

## **GARIS PANDUAN PENYEWAAN RUMAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT BAGI NEGERI SABAH.**

### **Pengenalan**

Program Perumahan Rakyat (Disewa) oleh Jabatan Perumahan Negara telah dilancarkan di Sabah pada tahun 2003 dengan siapnya pembinaan PPR Puri Warisan. Ini diikuti kemudiannya diikuti oleh penyiapan PPR Telipok Ria dan PPR Rugarding pada 2004 dan seterusnya PPR Taman Mesra Sandakan pada 2005.

Tujuan rumah PPR(Disewa) ini di bina adalah bertujuan untuk menempatkan keluarga setinggan tempatan yang terdapat banyak dikawasan perkadaran dan pinggir bandar di Negeri ini. Keputusan ini adalah berdasarkan mesyuarat Jawatankuasa Setinggan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kementarian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, memaklumkan bahawa rumah-rumah PPR(Disewa) yang terdapat dan sedang dibina di Negeri ini adalah bertujuan dijadikan sebagai rumah transit bagi keluarga setinggan yang terdapat di negeri ini. Beliau juga memaklumkan bahawa rumah PPR di negeri Sabah adalah bertujuan untuk disewa sahaja dan bukan untuk dijual kepada penghuni setinggan. Ini adalah kerana jumlah rumah PPR pada masakini masih belum mencukupi jumlahnya di negeri ini. Oleh demikian rumah PPR ini tidak boleh diberikan hakmilik atau dijual kepada penduduk setinggan.

Berikutan dengan keputusan oleh Jawatankuasa Setinggan Negeri Sabah ini, adalah menjadi tugas utama bagi agensi dibawah KKTP iaitu Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar bagi menyediakan rumah-rumah kos rendah bagi penduduk setinggan yang tinggal di PPR di negeri ini.

Berdasarkan kenyataan diatas, pihak KKTP sehingga hari ini mengekalkan agar Rumah PPR yang di bina di negeri ini akan kekal hanya untuk disewa.

### **Tempoh Sewa Bagi Penghuni Menduduki PPR**

Penghuni yang diperuntukkan rumah PPR adalah tertakluk pada terma dan syarat berikut:

1. 5 Tahun - Terma dan Syarat oleh PBT

\*\*\* sekiranya dalam tempoh ini penyewa masih belum mampu membeli rumah, maka bolehlah beliau menyangkut sewaan seperti berikut :

2. 3 Tahun - berdasarkan kontrak para 1 oleh PBT

\*\*\* sekiranya dalam tempoh diatas penyewa masih belum mampu membeli rumah, maka penyewa boleh disambung untuk tempoh seperti berikut :

3. 2 Tahun - berdasarkan kontrak para 1 dan 2 oleh PBT

Oleh itu jumlah tempoh maksima yang dibenarkan bagi sesebuah keluarga menyewa di PPR adalah selama tempoh 10 tahun.

Penyewa hendaklah mengosongkan rumah PPR berkenaan selepas tempoh 10 tahun diatas.

Ini adalah kerana, jumlah tempoh 10 tahun adalah dirasakan sesuai dan mencukupi bagi seseorang individu itu membuat persediaan untuk membeli rumah kos rendah (RM 50,000.00) atau rumah mampu milik (RM 72,000.00 - RM 150,000.00)

Walaupun bagaimanapun sekiranya PBT masih hasil dari semakan, berpendapat dan memperolehi persetujuan daripada ahli mesyuarat jawatankuasa pemilihan penduduk PPR (Disewa) Daerah, mendapati bahawa keluarga berkenaan masih belum mampu membeli rumah maka boleh seseorang atau keluarga itu menyewa semula rumah PPR berkenaan berdasarkan terma dan syarat baru oleh PBT dan penama hendaklah mendapat kelulusan daripada YB Menteri KKTP.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Perumahan dan Unit Penempatan Setinggan  
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

Terma dan Rujukan:

Jawatankuasa Setinggan Negeri, Kementerian Kerajaan Tempatan dan perumahan Sabah.  
PPR (DISEWA) oleh Jabatan Perumahan Negara, Pusat Bandar Damansara Kuala Lumpur  
oleh Jabatan Perumahan Negara, KPKT, Presint 4 62100 Putrajaya (2012)

02 Februari 2012

2008/HJ/hj.....unit penempatan setinggan kktp 2005/2006/2008